



**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH**

# **Pendidikan Muzik**

**Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran**

**Tahun 5**





**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH**

# **Pendidikan Muzik**

**Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran**

## **Tahun 5**

**Bahagian Pembangunan Kurikulum  
APRIL 2019**

Terbitan 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## **KANDUNGAN**

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah.....	3
Fokus.....	4
Kemahiran Abad Ke-21.....	6
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	8
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	9
Elemen Merentas Kurikulum.....	11
Pentaksiran Bilik Darjah.....	14
Organisasi Kandungan.....	18
Modul Bahasa Muzik.....	19
Modul Kemahiran Muzik.....	21
Modul Kreativiti Muzik.....	25
Modul Apresiasi Muzik.....	27
Projek Seni Muzik.....	29
Glosari.....	31
Panel Penggubal.....	34
Penghargaan.....	35





## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:  
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;  
Memelihara satu cara hidup demokratik;  
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;  
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;  
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)



## **DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN**

### **3. Kurikulum Kebangsaan**

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997  
[PU(A)531/97.]



## **KATA PENGANTAR**

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran

dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR. Semoga pelaksanaan KSSR akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

**Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR**

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia



## PENDAHULUAN

DSKP KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Muzik ialah dokumen yang memuatkan kandungan kurikulum mata pelajaran ini sebagai rujukan kepada guru untuk mengajar. Matlamat dan objektif mata pelajaran ini dinyatakan dengan jelas sebagai garis panduan kepada guru tentang perkara yang perlu dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Bagi menterjemahkan matlamat dan objektif tersebut, kandungan DSKP diorganisasikan menerusi tiga lajur iaitu Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi). SK menyatakan secara spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan. SP menggariskan penetapan kriteria pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap SK, manakala SPi merupakan suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid kuasai.

Kurikulum untuk semua mata pelajaran digubal berlandaskan Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Guru boleh merujuk perenggan ini untuk memahami tentang insan yang ingin dilahirkan sebagaimana yang digambarkan dalam kerangka tersebut.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga berhasrat untuk mempersiapkan murid bagi menghadapi cabaran abad ke-21. DSKP ini menggariskan profil murid yang ingin dibentuk untuk mempersiapkan mereka mengharungi cabaran pada masa kini dan pada masa depan.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan secara eksplisit dalam Standard Pembelajaran. Guru diharapkan dapat menterjemahkan kemahiran tersebut semasa menjalankan PdP. Perenggan tentang perkara ini terdapat dalam DSKP dan boleh dijadikan rujukan guru untuk mendapatkan kefahaman berkaitan pengaplikasian KBAT dalam PdP.

PdP mata pelajaran Pendidikan Muzik menggalakkan murid untuk berfikir, berimajinasi dan membuat interpretasi. Kaedah pengajaran mata pelajaran ini haruslah dipelbagaikan untuk membantu murid memahami dan menguasai sesuatu konsep dan kemahiran. Guru boleh merujuk cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran dalam DSKP ini untuk mendapatkan idea bagi menentukan strategi yang sesuai digunakan semasa menyampaikan kandungan DSKP kepada murid. Selain itu, guru juga digalakkan untuk menerapkan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) semasa menjalankan PdP.

**MATLAMAT**

KSSR Pendidikan Muzik sekolah rendah bermatlamat untuk melahirkan murid yang berpengetahuan dan berkemahiran asas dalam bidang muzik untuk membentuk insan yang harmonis, kritis, kreatif dan inovatif serta dapat menikmati nilai estetik muzik secara intelektual.

**OBJEKTIF UMUM PENDIDIKAN MUZIK SEKOLAH RENDAH**

KSSR Pendidikan Muzik bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mempunyai pengetahuan, kefahaman dan kemahiran muzik.
2. Mengaplikasi pengetahuan dan kefahaman bahasa muzik menerusi aktiviti muzik.
3. Menghasilkan karya muzik dengan menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran muzik.
4. Membuat ulasan tentang muzik yang didengar.
5. Membuat persembahan muzik.
6. Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.

**OBJEKTIF PENDIDIKAN MUZIK TAHUN 5**


KSSR Pendidikan Muzik Tahun 5 bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Membaca dan menulis notasi muzik, tanda rehat, terminologi dan simbol muzik.
2. Mengaplikasikan kefahaman notasi muzik dalam aktiviti muzik.
3. Menyanyikan lagu dengan pic yang betul mengikut tempo.
4. Memainkan alat perkusi mengikut tempo berdasarkan skor.
5. Mengaplikasikan dinamik dalam aktiviti nyanyian dan permainan alat perkusi.
6. Merancang dan membuat pergerakan berdasarkan muzik yang didengar.
7. Memainkan rekoder dengan ton yang baik mengikut tempo berdasarkan skor.
8. Mencipta dan mempersembahkan melodi mudah.
9. Membuat ulasan terhadap muzik yang didengar.
10. Merancang, membuat persediaan dan persembahan muzik berskala kecil.
11. Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.

## KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Kurikulum Standard Sekolah Rendah dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan seperti Rajah 1. Kurikulum Pendidikan Muzik digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSR.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah

## FOKUS

Kurikulum Pendidikan Muzik sekolah rendah memberi fokus kepada pembinaan insan berliterasi muzik menerusi aktiviti pengkaryaan, persembahan dan pembudayaan muzik. Bagi mencapai hasrat ini, Kurikulum Pendidikan Muzik digubal dengan berasaskan kerangka KSSR Pendidikan Muzik yang mengandungi empat modul kurikulum seperti di Rajah 2.



Rajah 2: Kerangka KSSR Pendidikan Muzik

## Modul Bahasa Muzik

Murid didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran bahasa muzik yang merangkumi aspek elemen muzik serta menulis dan membaca notasi muzik. Menerusi modul ini juga, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh semasa aktiviti muzik seperti bernyanyi, bergerak mengikut muzik, bermain alat muzik serta pengkaryaan muzik.

## Modul Kemahiran Muzik

Murid memperoleh pengalaman muzikal untuk menguasai kemahiran bernyanyi, bergerak mengikut muzik serta bermain alat muzik. Bagi aktiviti bermain alat muzik, murid berpeluang untuk menguasai kemahiran memainkan alat muzik perkusi dan rekoder. Alat muzik rekoder akan diperkenalkan kepada murid mulai Tahun 3 sebagai asas kepada mereka untuk mempelajari alat muzik berpic. Murid juga berpeluang mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran bahasa muzik semasa aktiviti PdP.



**Modul Kreativiti Muzik**

Murid menzahirkan idea kreatif dengan menghasilkan karya seperti penciptaan corak irama, melodi dan pelbagai bunyi muzikal. Mereka berpeluang mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diperolehi dari pembelajaran bahasa muzik dan kemahiran muzik untuk berkarya. Seterusnya, mereka juga berpeluang untuk mempersembahkan setiap hasil karya mereka semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara kreatif.

**Modul Apresiasi Muzik**

Murid diberi peluang untuk menghayati dan menghargai pelbagai karya muzik. Tumpuan PdP adalah kepada aktiviti mendengar karya muzik secara aktif dan seterusnya memberi respon terhadap karya muzik tersebut secara lisan atau penulisan.

**Projek Seni Muzik**

Projek Seni Muzik merupakan aktiviti yang memberi fokus kepada persembahan muzik. Persembahan muzik merupakan gabungan aktiviti PdP yang telah dipelajari seperti nyanyian, gerakan, permainan alat muzik serta penciptaan. Berlandaskan aktiviti PdP ini, murid akan menjayakan Projek Seni Muzik berdasarkan sesuatu tajuk. Murid akan bersama-sama rakan dan guru menjana idea bagi melaksanakan aktiviti yang dirancang.

Projek Seni Muzik adalah projek berskala kecil yang dijalankan secara berkumpulan dalam bilik darjah sebanyak dua kali setahun. Projek ini dijalankan pada hujung penggal pertama dan kedua. Contoh pelaksanaan PdP Pendidikan Muzik bagi penggal pertama adalah seperti di Jadual 1. Proses pengajaran dan pembelajaran ini akan berulang pada penggal kedua dengan tajuk yang lain. Guru juga boleh menggunakan disiplin ilmu yang lain untuk disepadukan dengan kemahiran muzik yang telah dipelajari dalam persembahan muzik. Antara persembahan yang boleh dijalankan oleh murid ialah sketsa muzikal, persembahan boneka dan nyanyian.

Jadual 1: Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran  
Pendidikan Muzik Penggal Pertama

Minggu:	Aktiviti PdP
Minggu 1	Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Muzik
Minggu 2	
Minggu 3	
Minggu 4	
Minggu 5	
Minggu 6	
Minggu 7	
Minggu 8	
Minggu 9	
Minggu 10	
Minggu 11	
Minggu 12	Perancangan Projek Seni Muzik
Minggu 13	
Minggu 14	Persediaan Projek Seni Muzik
Minggu 15	
Minggu 16	Persembahan Projek Seni Muzik

### KEMAHIRAN ABAD KE- 21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti Jadual 2, supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum Pendidikan Muzik juga turut menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 2: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 3.

Jadual 3: Tahap Pemikiran Dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

**Kemahiran berfikir kritis** adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

**Kemahiran berfikir kreatif** adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

**Kemahiran menaakul** adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

**Strategi berfikir** merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

## **STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Secara amnya, proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik adalah berlandaskan kepada aktiviti amali yang dilakukan secara *hands-on* seperti dalam bidang nyanyian, gerakan dan bermain alat muzik. Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh digunakan dalam merangka pengajaran bagi mencapai standard pembelajaran yang ditetapkan. Pendekatan tersebut merupakan strategi guru bagi mencapai objektif pengajaran yang dirancang. Antara pendekatan yang boleh digunakan dalam Pendidikan Muzik adalah seperti berikut:

### **Pembelajaran Berasaskan Inkuiri**

Suatu pendekatan yang akan menjadikan murid berdikari dalam menimba ilmu. Pertanyaan dan pencarian jawapan terhadap perkara yang dipelajari merupakan aspek utama dalam pendekatan ini. Dalam konteks Pendidikan Muzik murid akan menimbulkan pelbagai soalan contohnya, semasa mempelajari modul apresiasi seni. Antaranya, “Mengapakah muzik ini kedengaran seperti muzik Timur Tengah?,” “Apakah alat muzik yang digunakan dalam muzik ini?,” dan sebagainya.

Guru membimbing murid untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan mereka menerusi pelbagai sumber seperti internet dan kajian lalu di perpustakaan. Murid akan kembali ke kelas dengan maklumat yang diperolehi untuk dikongsikan.

### **Pembelajaran Berasaskan Masalah**

Pendekatan pembelajaran berasaskan masalah boleh dijalankan bagi menambah kefahaman murid tentang apa yang dipelajari dalam Pendidikan Muzik. Guru berperanan sebagai fasilitator kepada murid untuk membentuk suatu permasalahan atau isu. Seterusnya, guru memberikan tugas kepada murid untuk mereka menyelesaikan permasalahan atau isu tersebut. Guru juga membimbing murid dari aspek perkembangan pengetahuan dan kemahiran sosial dan akhir sekali mentaksir apa yang telah dipelajari murid menerusi pengalaman pembelajaran tersebut. Contoh persoalan atau isu ialah, “Adakah muzik boleh menyatukan masyarakat?” atau “Mengapakah masyarakat Baba Nyonya di Melaka boleh menyanyikan lagu Dondang Sayang dan berpakaian kebaya?”

### **Pendekatan Bertema**

Dalam pendekatan ini guru boleh merangka pengajaran dengan menggunakan pelbagai tema bagi membantu murid menguasai ilmu dengan membuat perkaitan secara kontekstual terhadap tema yang digunakan. Contoh tema yang boleh digunakan ialah Irama di Sekeliling Ku dan Melodi Menceritakan Sesuatu.

### **Pendekatan Antara Disiplin**

Pendekatan ini membolehkan guru merangka pengajaran dengan menggabungkan pengajaran muzik dengan disiplin ilmu yang lain. Sebagai contoh guru boleh mengajar nyanyian yang mempunyai lirik atau mesej yang positif seperti rasa cinta kepada ibu bapa, alam sekitar, dan negara. Dengan ini, murid akan mendapat ilmu dan kemahiran dalam bidang nyanyian dan pada masa yang sama dapat menerapkan mesej menerusi lagu yang dinyanyikan.

Terdapat banyak pendekatan yang boleh digunakan oleh guru sebagai strategi dalam menyampaikan ilmu kepada murid. Pendekatan yang disebutkan di atas merupakan contoh pendekatan yang boleh digunakan dalam Pendidikan Muzik. Perkara penting yang perlu dilakukan oleh guru ialah memilih pendekatan yang sesuai mengikut tajuk yang ingin diajar bagi

## ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

### 1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa pengajaran dan pembelajaran bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

### 2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui pengajaran dan pembelajaran semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

### 3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

### 4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap Sains dan Teknologi dapat meningkatkan literasi Sains serta Teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran merangkumi empat perkara iaitu:
  - i) Pengetahuan Sains dan Teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan Sains dan Teknologi);
  - ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
  - iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
  - iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran

**5. Patriotisme**

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

**6. Kreativiti dan Inovasi**

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran Abad 21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

**7. Keusahawanan**

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

**8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

- Penerapan elemen TMK dalam pengajaran dan pembelajaran memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.



- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

### **9. Kelestarian Global**

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, Negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

### **10. Pendidikan Kewangan**

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompoun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

## PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.
- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.
- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

## TAHAP PENGUASAAN UMUM

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Jadual 4 menunjukkan pernyataan Tahap Penguasaan Umum.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Umum

Tahap	Tafsiran
1 (Tahu)	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2 (Tahu dan faham)	Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi.
3 (Tahu, faham dan boleh buat)	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik.
5 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekak dan bersikap positif.
6 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali)	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi.

Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat ke dalam templat pelaporan yang disediakan setelah PdP bagi setiap bidang, tema, kemahiran atau kelompok Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran selesai dilaksanakan.

### Standard Prestasi KSSR Pendidikan Muzik

Standard Prestasi (SPi) KSSR Pendidikan Muzik diwujudkan sebagai rujukan untuk guru mentaksir tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran ini. Standard Prestasi ini mengandungi 6 Tahap Penguasaan yang merangkumi domain kognitif, psikomotor dan afektif. Tahap Penguasaan ini disusun secara hierarki bermula pada Tahap Penguasaan 1 yang menunjukkan penguasaan terendah sehingga penguasaan tertinggi iaitu Tahap Penguasaan 6.

## TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi setiap mata pelajaran perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid, serta perbincangan bersama-sama rakan sejawat.

Tahap Penguasaan Keseluruhan KSSR Pendidikan Muzik digunakan untuk melaporkan pencapaian murid berdasarkan rubrik yang dijadikan sebagai panduan kepada guru untuk mentaksir prestasi murid seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Tahap Penguasaan Keseluruhan Pendidikan Muzik

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui pengetahuan asas dan kemahiran asas muzik.
2	Memahami pengetahuan asas dan kemahiran asas muzik.
3	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam aktiviti muzik.
4	Menganalisis karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik.
5	Menilai karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik.
6	Menjana idea kreatif dalam pengkaryaan muzik.

### Panduan Penilaian Projek Seni Muzik

Panduan Penilaian Projek Seni Muzik disediakan sebagai instrumen kepada guru untuk menentukan pencapaian murid dalam aktiviti ini. Murid akan dinilai dari aspek pelibatan, kreativiti dan amalan nilai murni. Kriteria pencapaian kepada setiap aspek ini dinyatakan sebagai cemerlang, baik dan memuaskan seperti Jadual 6.

Dengan adanya Standard Prestasi Pendidikan Muzik dan Panduan Penilaian Projek Seni Muzik ini, diharapkan guru dapat mentaksir murid dengan penuh yakin, fleksibel, berakuntabiliti dan berintegriti. Guru bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan pentaksiran secara berkumpulan. Guru juga harus merekod pencapaian murid, menganalisis tahap penguasaan tersebut serta membuat laporan dan tindakan susulan.

Jadual 6: Panduan Penilaian Projek Seni Muzik

ASPEK YANG DINILAI	KRITERIA		
	CEMERLANG	BAIK	MEMUASKAN
PELIBATAN	Semua ahli dalam kumpulan memainkan peranan dengan cemerlang sebelum, semasa dan selepas persembahan muzik.	Beberapa ahli dalam kumpulan memainkan peranan dengan cemerlang sebelum, semasa dan selepas persembahan muzik.	Semua ahli dalam kumpulan kurang memainkan peranan sebelum, semasa dan selepas persembahan muzik.
KREATIVITI	Menggunakan imaginasi yang tinggi dan menterjemahkan idea secara kreatif dalam persembahan muzik.	Menggunakan imaginasi dan menterjemahkan idea dalam persembahan muzik.	Kurang menggunakan imaginasi dan menterjemahkan idea dalam persembahan muzik.
AMALAN NILAI MURNI	Semua ahli dalam kumpulan mempamerkan amalan nilai murni untuk menjayakan persembahan muzik.	Beberapa ahli mempamerkan amalan nilai murni untuk menjayakan persembahan muzik.	Semua ahli dalam kumpulan kurang mempamerkan amalan nilai murni untuk menjayakan persembahan muzik.

## ORGANISASI KANDUNGAN

KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Muzik diorganisasikan berasaskan modul kurikulum dengan peratus pemberatan seperti Jadual 7.

Jadual 7: Pemberatan Kandungan Kurikulum Pendidikan Muzik

MODUL	PERATUS PEMBERATAN
Bahasa Muzik	10%
Kemahiran Muzik	40%
Kreativiti Muzik	40%
Apresiasi Muzik	10%

Nota: Peruntukkan waktu bagi mata pelajaran ini ialah minimum 16 jam setahun.

Guru boleh menggabung kandungan antara modul ketika melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Setiap modul pula mempunyai tiga lajur utama iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi seperti Jadual 8.


Jadual 8: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Terdapat satu lajur tambahan iaitu Catatan. Lajur ini mengandungi cadangan aktiviti dan nota panduan guru. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai Standard Pembelajaran.

1.0 MODUL BAHASA MUZIK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.1 Notasi Muzik	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Membaca dan menulis not E, F, G, A, B, C', D' serta tanda rehat pada baluk:</p> <p>(i) </p> <p>(ii) tanda rehat </p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Latihan menulis dan menamakan not pada baluk.</li></ul> <p>Contoh:</p>  <ul style="list-style-type: none"><li>• Latihan menulis not dan tanda rehatnya.</li><li>• Latihan memadamkan not dan tanda rehat.</li><li>• Latihan mendengar dan menepuk nilai not.</li></ul> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Not E, F, G, A, B, C', D'</li></ul> 







STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>1.1.2 Membaca, menulis dan memahami terminologi serta simbol muzik:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) <i>piano</i> (<i>p</i>)</li> <li>(ii) <i>forte</i> (<i>f</i>)</li> <li>(iii) <i>staccato</i></li> <li>(iv) <i>legato</i></li> </ul> <p>1.1.3 Mengaplikasikan pemahaman membaca notasi muzik dalam aktiviti muzik.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh not staccato</li> </ul>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan membaca skor yang mengandungi simbol dan terminologi muzik.</li> </ul>



## 2.0 MODUL KEMAHIRAN MUZIK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2.1 Nyanyian	Murid boleh: 2.1.1 Bernyanyi dengan pic yang betul. 2.1.2 Bernyanyi lagu berkembar. 2.1.3 Bernyanyi mengikut tempo. 2.1.4 Mengaplikasikan dinamik kuat ( <i>f</i> ) dan lembut ( <i>p</i> ) dalam nyanyian.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan pernafasan.</li> <li>• Latihan nyanyian dengan sebutan bunyi huruf vokal dan konsonan.</li> <li>• Latihan mendengar dan mengajuk pic.</li> </ul>
2.2 Permainan Alat Perkusi	2.2.1 Memainkan alat perkusi mengikut tempo berdasarkan skor: (i)  (ii) tanda rehat  2.2.2 Mengaplikasikan dinamik kuat ( <i>f</i> ) dan lembut ( <i>p</i> ) dalam permainan alat perkusi.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan memainkan corak irama.</li> <li>• Latihan membaca skor .</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2.3 Bergerak Mengikut Muzik	2.3.1 Merancang dan melakukan pergerakan mengikut muzik yang didengar berdasarkan:  (i) meter $\frac{2}{4}$ dan $\frac{3}{4}$  (ii) tempo	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbincang dalam kumpulan untuk merancang dan melakukan formasi mudah seperti:               <ul style="list-style-type: none"> <li>– bergerak dalam barisan</li> <li>– bergerak dalam bentuk segi empat, segi tiga dan bulatan</li> </ul> </li> </ul>
2.4 Rekoder	2.4.1 Memainkan rekoder bagi not E, F, G, A, B, C' dan D' dengan ton yang baik mengikut tempo. <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Penjarian yang betul.</li> <li>(ii) Pernafasan yang betul.</li> <li>(iii) Perlidahan yang betul.</li> <li>(iv) <i>Embouchure</i> yang betul.</li> <li>(v) Postur yang betul.</li> </ul>	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan penjarian bagi not E, F, G, A, B, C' dan D' pada rekoder.</li> <li>• Latihan memainkan not E, F, G, A, B, C' dan D'.</li> <li>• Latihan perlidahan dengan sebutan 'tu'.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>2.4.2 Memainkan melodi kaunter secara ensemble berdasarkan skor muzik.</p> <p>(i) </p> <p>(ii) tanda rehat </p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan mengenal dan membaca skor.</li> <li>• Latihan memainkan melodi kaunter.</li> </ul> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh penjarian rekoder:</li> </ul> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">   <p>Not F</p> </div> <div style="text-align: center;">   <p>Not E</p> </div> </div>

**STANDARD PRESTASI MODUL BAHASA MUZIK DAN KEMAHIRAN MUZIK**

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenal notasi, terminologi dan simbol muzik dengan bimbingan.</li> <li>• Mengajuk semula melodi dan corak irama yang didengar serta meniru pergerakan dengan bimbingan.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memahami notasi, terminologi dan simbol muzik.</li> <li>• Mengajuk semula melodi dan corak irama yang didengar serta meniru pergerakan.</li> </ul>
3	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran bahasa muzik dalam aktiviti muzik.
4	Mempamerkan kemahiran permainan alat perkusi atau permainan rekoder atau kemahiran nyanyian atau bergerak mengikut muzik dengan ketepatan yang tinggi.
5	Mempamerkan kemahiran permainan alat perkusi atau permainan rekoder atau kemahiran nyanyian atau bergerak mengikut muzik dengan ketepatan yang tinggi secara konsisten.
6	Menghasilkan persembahan muzik secara kreatif, ekspresif, konsisten dan natural.

## 3.0 MODUL KREATIVITI MUZIK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
3.1 Pengkaryaan Muzik	<p>Murid boleh:</p> <p>3.1.1 Mencipta melodi mudah menggunakan not B, A dan G.</p> <p>(i) </p> <p>(ii) tanda rehat </p> <p>3.1.3 Mempersembahkan hasil ciptaan.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menepuk semula corak irama yang didengar.</li> <li>• Mencipta 'jawapan' kepada 'soalan' corak irama yang diberi.</li> <li>• Mengimprovisasi corak irama yang didengar.</li> <li>• Mengajuk melodi.</li> <li>• Meletakkan pic pada corak irama yang diberi.</li> <li>• Mencipta 'jawapan' kepada 'soalan' melodi yang didengar.</li> <li>• Mengimprovisasi melodi yang didengar.</li> </ul> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dicadangkan murid menggunakan rekoder semasa aktiviti mencipta melodi.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengenal corak irama yang didengar.
2	Mengajuk corak irama dan melodi yang didengar.
3	Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran muzik untuk mencipta melodi.
4	Menentukan corak irama untuk mencipta melodi.
5	Mengimprovisasi idea muzik dalam penciptaan melodi.
6	Mencipta dan mempersembahkan hasil ciptaan melodi.

## 4.0 MODUL APRESIASI MUZIK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.1 Penghayatan Karya Muzik	Murid boleh: 4.1.1 Menyatakan tahun zaman <i>Baroque</i> dalam muzik Klasik Barat  4.1.2 Membuat ulasan terhadap muzik Klasik Barat zaman <i>Baroque</i> yang didengar dari aspek: (i) nama komposer (ii) negara asal komposer (iii) judul karya muzik	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>Mendengar muzik secara aktif dan bersoal jawab tentang muzik tersebut.</li> </ul> Contoh:  Tahun zaman : 1600-1750 <i>Baroque</i>  Komposer : Antonio Vivaldi Asal : Venice, Italy  Judul karya : <i>La Primavera (Spring)</i>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengenal jenis muzik yang didengar.
2	Mengecam dan menyatakan jenis muzik.
3	Menjelaskan tentang muzik dengan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran muzik.
4	Membuat ulasan muzik pilihan sendiri menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik dengan bimbingan.
5	Membuat ulasan muzik pilihan sendiri menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik.
6	Membuat perbandingan dua jenis muzik pilihan sendiri dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik.





## 5.0 PROJEK SENI MUZIK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.1 Persembahan Muzik	Murid boleh: 5.1.1 Merancang persembahan muzik. 5.1.2 Membuat persediaan persembahan muzik. 5.1.3 Membuat persembahan muzik. 5.1.4 Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan kreativiti dalam merancang persembahan muzik.</li> </ul> Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>– menentukan aktiviti persembahan berdasarkan PdP</li> </ul> Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek Seni Muzik adalah projek berskala kecil yang dijalankan secara berkumpulan dalam bilik darjah sebanyak dua kali setahun.</li> <li>• Contoh nilai murni dalam aktiviti muzik:               <ul style="list-style-type: none"> <li>– menghormati ketua kumpulan dan rakan dalam kumpulan</li> <li>– menjalankan peranan yang diberikan sebelum, semasa dan selepas persembahan seperti penyanyi, pemuzik dan pelakon</li> </ul> </li> </ul>


### Panduan Penilaian Projek Seni Muzik

ASPEK YANG DINILAI	KRITERIA		
	CEMERLANG	BAIK	MEMUASKAN
PELIBATAN	Semua ahli dalam kumpulan memainkan peranan dengan cemerlang sebelum, semasa dan selepas persembahan muzik.	Beberapa ahli dalam kumpulan memainkan peranan dengan cemerlang sebelum, semasa dan selepas persembahan muzik.	Semua ahli dalam kumpulan kurang memainkan peranan sebelum, semasa dan selepas persembahan muzik.
KREATIVITI	Menggunakan imaginasi yang tinggi dan menterjemahkan idea secara kreatif dalam persembahan muzik.	Menggunakan imaginasi dan menterjemahkan idea dalam persembahan muzik.	Kurang menggunakan imaginasi dan menterjemahkan idea dalam persembahan muzik.
AMALAN NILAI MURNI	Semua ahli dalam kumpulan mempamerkan amalan nilai murni untuk menjayakan persembahan muzik.	Beberapa ahli dalam kumpulan mempamerkan amalan nilai murni untuk menjayakan persembahan muzik.	Semua ahli dalam kumpulan kurang mempamerkan amalan nilai murni untuk menjayakan persembahan muzik.

## GLOSARI

PERKATAAN	PENERANGAN
Aktiviti muzik	Aktiviti nyanyian, permainan alat muzik dan gerakan.
Alat Perkusi	Alat muzik yang dipalu, ketuk atau goncang untuk menghasilkan bunyi. Contoh: kompang, kerincing, kastanet dan tamborin.
Baluk	Lima garisan selari yang digunakan dalam penulisan notasi muzik. Contoh: 
<i>Embouchure</i>	Teknik bibir atau mulut semasa memainkan alat muzik tiupan.
Ensembel	Kumpulan.
<i>Forte (f)</i>	Bermain alat muzik atau bernyanyi secara kuat.
Irama	Pergerakan bunyi muzikal yang terhasil daripada gabungan bunyi panjang dan pendek. Contoh irama: 
Lagu berkembar	Lagu yang mempunyai pergerakan kord yang sama tetapi mempunyai melodi yang berlainan dan dinyanyikan serentak. Contoh lagu, Adik-Adikku Sayang dan Abang Balik Kampung.

## GLOSARI

PERKATAAN	PENERANGAN
<i>Legato</i>	Dimainkan atau dinyanyikan secara lancar/licin.
Melodi	<p>Pergerakan bunyi muzikal yang terhasil daripada gabungan bunyi tinggi dan rendah dengan bunyi panjang dan pendek.</p> <p>Contoh melodi: </p>
Melodi kaunter	Melodi yang mengiringi melodi utama dalam sesebuah lagu.
Penjarian	Teknik menggunakan jari dalam permainan alat muzik.
Perlidahan	Teknik tiupan menggunakan lidah untuk mengawal penghasilan bunyi bagi alat muzik tiupan.
Pernafasan	Cara bernafas ketika bernyanyi atau bermain alat muzik tiupan.
Piano ( <i>p</i> )	Bermain alat muzik atau bernyanyi secara lembut.
Pic	Bunyi tinggi, rendah dan sederhana.

## GLOSARI

PERKATAAN	PENERANGAN
Postur	Kedudukan atau posisi tubuh badan yang betul semasa bernyanyi atau bermain alat muzik.
Skor Muzik	Notasi muzik sesuatu lagu.
<i>Staccato</i>	Dimainkan atau dinyanyikan secara terputus-putus.
Tempo	Kelajuan sesuatu karya muzik. Contoh: tempo cepat atau lambat
<p>Nota: Setiap perkataan yang diberi penerangan maksudnya dalam glosari ini adalah tertakluk kepada konteks penggunaan perkataan tersebut dalam dokumen ini sahaja.</p>	

**PANEL PENGGUBAL**

1. Mohamed Salim bin Taufix Rashidi Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
2. Bakhtiar bin Mohd Salleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
3. Faridah binti Ramly Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
4. Hazlifthadhahana binti Rosli Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
5. Siti Musfirah binti Md. Hashim Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
6. Mohd Fadil bin Musa IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi
7. Abdul Halim bin Abdul Wahab SMK Perimbun, Cheras, Selangor
8. Amir Hamzah bin Nordin SMK Inderapura, Jerantut, Pahang
9. Elizabeth Rajam a/p Peter Devanayagam SK Kementah, Kuala Lumpur
10. Mahiran binti Man SK Sultan Hisahamudin Alam Shah, Kuala Lumpur
11. Nurunnajwa binti Painoh SK Dengkil, Selangor
12. Tee Suat Ring SK Taman Klang Utama, Kelang, Selangor
13. Parimala a/p Subramaniam SK Saujana, Kuala Lumpur

**PENGHARGAAN****Penasihat**

Dr. Mohamed bin Abu Bakar	Pengarah
Datin Dr. Ng Soo Boon	Timbalan Pengarah (Dasar dan Sains & Teknologi)

**Penasihat Editorial**

Mohamed Zaki bin Abd. Ghani	Ketua Sektor
Haji Naza Idris bin Saadon	Ketua Sektor
Mahyudin bin Ahmad	Ketua Sektor
Dr. Rusilawati binti Othman	Ketua Sektor
Mohd Faudzan bin Hamzah	Ketua Sektor
Fazlinah binti Said	Ketua Sektor
Mohamed Salim bin Taufix Rashidi	Ketua Sektor
Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus	Ketua Sektor
Paizah binti Zakaria	Ketua Sektor
Hajah Norashikin binti Hashim	Ketua Sektor

**Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi**

Saripah Faridah Binti Syed Khalid  
Nur Fadia Binti Mohamed Radzuan  
Mohamad Zaiful bin Zainal Abidin

**Pereka Grafik**

Siti Zulikha Binti Zelkepli





Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,  
62604 Putrajaya,  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917  
<http://www.moe.gov.my/bpk>